



JABATAN LANDSKAP NEGARA
Kementerian Wilayah Persekutuan
Tingkat 10, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya
Emel: kpjln@jln.gov.my
Laman Web: www.jln.gov.my

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2020 - “GENERASI MUDA MENCORAK LANDSKAP NEGARA”

KUALA LUMPUR, 1 Mac 2020 – Sambutan Hari Landskap Negara 2020 (HLN2020) dengan tema “Generasi Muda Mencorak Landskap Negara” merupakan sambutan yang ke-22 pada pagi ini di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur. Program anjuran Jabatan Landskap Negara, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini diadakan sejak diperkenalkan pada tahun 1998.

Tujuan sambutan HLN2020 diadakan adalah untuk menggerakkan budaya kecintaan terhadap landskap dalam kalangan rakyat seluruh negara selaras dengan Teras 1 Dasar Landskap Negara iaitu Membudayakan Kecintaan Terhadap Landskap, menyebarkan program pembangunan landskap yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, meningkatkan kesedaran semua pihak untuk menggiatkan usaha dan inisiatif bagi mencapai wawasan Negara Taman Terindah dan menyokong perkembangan industri landskap negara.

YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar, Ketua Setiausaha KWP menyampaikan empat anugerah iaitu Inisiatif Negara Taman Terindah, Inisiatif Landskap Komuniti Negara Taman, Inisiatif Negara Taman dan Inisiatif Sukarelawan Negara Taman. Ini adalah kali kedua pengiktirafan ini diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), komuniti, syarikat pemaju dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang telah berjaya merancang, membangun dan melaksanakan pengurusan landskap yang komprehensif melalui pemberian Inisiatif Negara Taman.

Sambutan HLN2020 ini yang berlangsung selama tiga hari bermula dari 28 Februari 2020 hingga 1 Mac 2020 turut dimeriahkan dengan Larian Hari Landskap Negara 2020, pertandingan melukis dan mewarna, aktiviti mural/grafitti, gubahan bunga, zumba/senamrobik, persembahan *buskers*, *live band*/mini konsert, *expert talk* topik berkaitan landskap dan hortikultur hiasan, jualan produk landskap dan *food truck* dalam

suasana *garden setting* serta pameran oleh pelbagai agensi kerajaan dan *Landscape Industry Players*.

Seminar Karakter Landskap dan Kualiti Visual Dalam Perancangan Landskap juga dianjurkan oleh Jabatan Landskap Negara sempena HLN2020 pada 2 Mac 2020 di Biro Pelancongan Kuala Lumpur, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur. Semoga manifestasi usaha Kerajaan dalam menyeru generasi muda untuk bergerak seiring kearah mencapai visi Negara Taman Terindah direalisasikan oleh semua pihak.

Disediakan oleh:

**Bahagian Promosi dan Industri Landskap
Jabatan Landskap Negara
1 Mac 2020**